

Terapi muzik mampu beri perubahan psikologi

KUCHING 1 Okt. - Terapi muzik yang menggunakan kaedah alternatif seperti tarian, lukisan dan alunan muzik berupaya memberi perubahan psikologi, fizikal, kognitif dan fungsi sosial individu dalam pembelajaran dan pekerjaan.

Pengerusi Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa Zon Sarawak, Amalia Madihie berkata, terapi muzik itu mampu memberi manfaat kepada perkembangan profesional kaunselor selepas mereka akan bertindak lebih sensitif terhadap perkara yang berlaku di sekeliling.

"Bengkel terapi muzik yang diadakan selama tiga hari ini dikenalikan Prof. Emeritus Dr. Joseph Moreno daripada Universiti Maryville yang juga Pengarah Institut Terapi dan Seni Kreatif di Santa Fe, New Mexico, Amerika Syarikat dan beliau berjaya memberi pendedahan kepada ramai peserta supaya bijak dalam memberi tindak balas.

"Bengkel yang dihadiri oleh pelbagai peserta termasuk doktor, jururawat, kaunselor dan guru ini turut mendapat kerjasama dari-



SEBAHAGIAN daripada peserta menyertai bengkel terapi muzik anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa Zon Sarawak dengan kerjasama Unimas di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

pada Jabatan Kaunseling Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sa-

rawak (Unimas)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan sempena pengan-

juran bengkel terapi muzik di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Amalia berka-

ta, pendekatan muzik dalam membantu pesakit adalah salah satu cara alternatif untuk menolong

mereka memperolehi kesedaran mengenai diri sendiri dan orang lain.

Selain itu, katanya, kaedah itu juga mampu mengatasi simptom, tekanan dan pengalaman trauma di samping memberi kepuasan dalam kehidupan kepada pesakit.

"Menariknya, terapi alternatif ini boleh dilakukan di mana-mana tempat sama ada di sekolah, pusat pemulihan, hospital, rumah dan dalam komuniti setempat.

"Kita berhasrat untuk mengajurkan lebih banyak program seperti ini di masa akan datang dengan menjemput lebih ramai pakar ke Sarawak. Jadi, saya berharap lebih ramai kaunselor akan bergiat aktif dalam persatuan untuk terlibat sama dalam semua aktiviti," katanya.

Bagi mana-mana kaunselor di negeri ini yang berminat untuk menjadi ahli Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa Zon Sarawak boleh menghubungi Amalia di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sosial Unimas melalui e-mel mamalia@fcs.unimas.my.